

GAYA BELAJAR BAHASA MELAYU DAN PELAJAR BUKAN PENUTUR NATIF

Kok Kean Hin, PhD
khkok76@gmail.com
Jeyagobi Dhamodarem, PhD
jeyagobi@yahoo.com
IPG Kampus Pendidikan Islam

Abstrak

Sikap murid dan Bahasa Melayu sebagai pembelajaran bahasa kedua didapati mempengaruhi proses pembelajaran bahasa tersebut. Kajian ini bertujuan untuk meninjau gaya pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua di sebuah sekolah menengah harian di daerah Hulu Langat, Selangor. Reka bentuk kajian ialah tinjauan. Sampel kajian adalah seramai 163 orang pelajar Tingkatan Peralihan, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2. Data kajian dianalisis secara deskriptif dengan peratusan dan kekerapan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar lebih menjurus kepada motivasi ekstrinsik seperti belajar dengan aktiviti berkumpulan dan bantuan rakan sebaya terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Aspek persekitaran juga mempengaruhi proses pembelajaran mereka.

Kata kunci: Analitikal, bahasa kedua, gaya pembelajaran, motivasi ekstrinsik, reflektif

Abstract

The attitude of students and the influence of their mother tongues affected the learning of Malay Language as their second language. This study aimed to explore the learning style of Malay Language as their second language in a secondary school in Hulu Langat district, Selangor. The sample were 163 students of Remove classes, Form 1 classes and Form 2 classes. The data were analyzed descriptively with percentage and frequency. Results showed that students preferred to be motivated extrinsically such as learn with group activities and guidance from their peers in the process of learning Bahasa Melayu. The environmental aspects also influenced their process of learning Bahasa Melayu.

Keywords: Analytical, extrinsic motivation, learning style, reflective, second language

Sejak Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Seksyen 2, dikuatkuasakan, Kerajaan Malaysia telah mewajibkan pendidikan Bahasa Melayu(BM) sebagai Bahasa kedua(B2) di semua SJKT dan SJKC. BM telah menjadi satu mata pelajaran wajib dalam kurikulum sekolah. Pelajar telah diwajibkan untuk mempelajari BM sejak dari Tahun Satu sehingga ke Tingkatan Enam. B2 diperoleh dalam bentuk pembelajaran bahasa baharu yang dirancang dengan proses yang sengaja sifatnya (Zaliza & Zaitul Azma, 2014). Namun, segelintir pelajar dari sekolah jenis kebangsaan masih tidak mampu untuk berkomunikasi dalam BM apabila meneruskan pendidikan di peringkat sekolah menengah. Malah, terdapat juga murid yang gagal menguasai sepenuhnya 2M iaitu, ‘Membaca’ dan ‘Menulis’ dalam BM. Dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, lima usaha awal yang boleh dilakukan bagi menyuburkan motivasi awal pelajar, iaitu memperkemaskan sikap para pelajar terhadap bahasa sasaran, mempertingkatkan jangkaan kejayaan mereka, mempertingkatkan matlamat mereka, menjadikan bahan pembelajaran berkaitan dengan mereka dan membentuk kepercayaan mereka yang realistik (Abbas, Lai & Narjes, 2012).

PERNYATAAN MASALAH

Pembelajaran ialah satu proses berterusan yang bukan sahaja merangkumi aspek penguasaan kemahiran malah memberi penekanan tentang perkembangan emosi, sahsiah dan nilai estetika (Noor Habsah & Yahya Othman, 2018). Perubahan bukan satu proses yang mudah kerana guru sentiasa berhadapan dengan kepelbaaan pelajar yang berlatar belakang bahasa, budaya dan sosio ekonomi yang berbeza. Dapatan kajian Noor Habsah & Yahya Othman (2018) menunjukkan bahawa penguasaan perbendaharaan kata Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik Melanau adalah terhad. Selain itu, Nora'Azian & Fadzilah (2018) mendapati bahawa murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) juga tidak mendapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik kerana kosa kata yang terhad, pengaruh dialek di rumah dan pendedahan kepada Bahasa Melayu yang terhad dalam kehidupan seharian. Mereka juga terpengaruh dengan penggunaan dialek Cina seperti Kantonis, Hakka, Hokkien semasa berkomunikasi dalam Bahasa Melayu. Di samping itu, kemampuan berbahasa kebangsaan dalam kalangan murid bukan Melayu mulai luntur oleh pengaruh ibunda dan Bahasa Inggeris di Malaysia (Nora'Azian & Fadzilah, 2018) . Pengkaji ini turut menyatakan bahawa pemerolehan bahasa kedua bagi kanak-kanak bawah 13 tahun sepatutnya perlu seiring dengan pemerolehan bahasa pertama ataupun bahasa ibunda mereka. Bagi murid SJKT pula, pendidikan awal mereka di sekolah rendah jarang mempunyai kawan berbangsa Cina dan Melayu.

Rentetan daripada itu, pengetahuan Bahasa Melayu murid SJKT tidak dapat memenuhi keperluan untuk berkomunikasi (Jeyagobi, 2011). Walau bagaimanapun, penutur bukan natif ini mempunyai idea yang baik tetapi mengalami masalah memilih perkataan-perkataan yang bersesuaian. Sebilangan besar daripada mereka menggunakan bahasa ibunda untuk mengemukakan idea mereka semasa bertutur dalam Bahasa Melayu. Menurut Nora'Azian & Fadzilah (2018), kemahiran berbahasa Melayu merupakan kemahiran tambahan dalam berbahasa dan sangat jauh berbeza dengan kemahiran pelajar bukan Melayu dalam bahasa ibundanya. Alat artikulasi mereka dalam bahasa ibunda sudah menjadi satu tabiat seharian. Oleh itu, proses pembelajaran Bahasa Melayu merupakan satu proses mempelajari lakuhan baharu. Kajian Mohd Uzir, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam (2018) pula menekankan bahawa sikap murid-murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua didapati mempengaruhi proses pembelajaran bahasa tersebut. Responden ini sedar bahawa Bahasa Melayu ialah subjek wajib lulus dalam peperiksaan untuk melayakkan mereka ke peringkat yang lebih tinggi dan penting untuk mendapatkan pekerjaan serta kerjaya masa depan mereka. Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa pengujian kecekapan Bahasa Melayu pelbagai golongan khususnya golongan bukan penutur natif yang berbangsa Cina, India dan etnik bumiputra Sabah dan Sarawak di Malaysia masih kurang dijalankan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui gaya belajar Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan penutur natif sekolah menengah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah;

Untuk mengetahui gaya belajar Bahasa Melayu tahap menengah rendah dalam kalangan pelajar bukan penutur natif Tingkatan Peralihan, Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua.

SOALAN KAJIAN

1. Apakah gaya belajar Bahasa Melayu tahap menengah rendah dalam kalangan pelajar bukan penutur natif Tingkatan Peralihan, Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua?

POPULASI DAN SAMPEL

Populasi kajian ialah pelajar bukan penutur natif tahap menengah rendah (Tingkatan Peralihan, Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua) sebuah sekolah menengah, SMK A di daerah Hulu Langat, Selangor. Populasi pelajar bukan penutur natif tahap menengah rendah adalah seramai 429 (rujuk Jadual 2). Semasa kajian dijalankan hanya seramai 163 pelajar bukan penutur natif tahap menengah rendah bersetuju untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Dalam jumlah sampel kajian ini, pelajar Tingkatan Peralihan adalah seramai 15 orang; pelajar Tingkatan 1 adalah seramai 67 orang dan pelajar Tingkatan 2 adalah seramai 81 orang.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian ialah tinjauan. Kaedah tinjauan ialah kaedah penyelidikan deskriptif yang melibatkan pungutan data dari populasi untuk memahami sesuatu situasi terkini (Noraini Kaprawi, 2013).

Instrumen kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data ialah Borang Soal Selidik JasminBM-1. Sebanyak 30 item telah digunakan dalam borang ini. Item-item ini dinilai dengan 2 skala norminal, iaitu skala 1; setuju dan skala 2:tidak setuju. Instrumen asal telah dibangunkan oleh pengkaji semasa pengajian PhD di Universiti Putra Malaysia. Instrumen asal telah diubah suai untuk kajian ini. Borang Soal Selidik JasminBM-1 disahkan oleh pakar-pakar rujuk daripada Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam dan Universiti Putra Malaysia.

Pengumpulan data

Pengkaji telah memberi taklimat ringkas untuk guru-guru Bahasa Melayu yang terlibat dalam kajian ini. Proses pembelajaran Bahasa Melayu untuk kelas terpilih telah dijalankan dari bulan April sehingga bulan Oktober 2019. Jangka masa kajian adalah selama enam bulan. Soal selidik dikumpul semula oleh pengkaji di tempat kajian.

Soal selidik telah dijalankan pada bulan Oktober 2019 kerana jangka masa proses pembelajaran telah berlaku selama enam bulan dan pengkaji mengambil maklum tentang persediaan peperiksaan akhir tahun yang akan dijalankan mulai bulan November 2019. Kajian rintis, ujian pra dan ujian pasca tidak dijalankan kerana kajian ini hanya mengambil maklum balas tentang gaya belajar pelajar dalam Bahasa Melayu secara deskriptif dan tidak menguji keberkesanannya instrumen dan keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran guru dan pelajar.

Analisis data

Data bukan kontinuum yang dikumpul telah dianalisis secara deskriptif dalam bentuk frekuensi dan peratusan.

DAPATAN KAJIAN

Demografi responden

Jadual 1

Enrolmen pelajar tahap menengah rendah

Tingkatan	Lelaki (L)	Perempuan(P)	Jumlah
Peralihan	24	15	39
1	270	261	531
2	228	293	521
Jumlah enrolmen pelajar	522	569	1091

Sumber: Enrolmen pelajar 2018

Jadual 2

Demografi responden mengikut kaum dan jantina

Kaum tingkatan	Cina		India		Lain-lain (bukan Melayu)		Jumlah mengikut
	L	P	L	P	L	P	
Peralihan	16	8	7	7	1	0	39
Tingkatan 1	47	45	57	58	5	10	222
Tingkatan 2	36	41	37	37	9	8	168
Jumlah	99	94	101	102	15	18	429
mengikut jantina							

Sumber: Enrolmen pelajar 2018

Analisis deskriptif

Walaupun seramai 163 sampel dalam kajian ini, hanya 160 maklum balas daripada sampel diterima dan 3 maklum balas terpaksa ditolak. Ini kerana maklum balas yang diberikan tidak jelas dan tidak lengkap. Justeru, pengkaji mengambil keputusan untuk mengabaikannya agar ia tidak mempengaruhi dapatan kajian. Semasa kajian dijalankan, hanya 15 pelajar Tingkatan Peralihan melibatkan diri dalam kajian. Jadual 3 menunjukkan maklumat ringkas tentang latar belakang pelajar Tingkatan Peralihan.

Jadual 3

Maklumat ringkas tentang latar belakang pelajar Tingkatan Peralihan.

Bangsa	Jantina	Umur	Lokasi	SR
C	I	L P	13	B LB SC ST SK
10	5	10 5	15	15 0
Jumlah			15	10 5 0

Nota: C-Cina; I-India; L-Lelaki; P-Perempuan; B-Bandar; LB-Luar Bandar; SC-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina; ST-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil; SK-Sekolah Kebangsaan

Bagi pelajar Tingkatan Peralihan, Bahasa pertuturan pertama mereka di rumah ialah Bahasa Cina (9 orang), Bahasa Tamil (5 orang) dan tiada maklumat (1 orang). Bahasa pertuturan kedua mereka di rumah pula merangkumi Bahasa Melayu (7 orang), Bahasa Inggeris (2 orang), Bahasa Kadazan (1 orang) dan tiada maklumat (5 orang)

Gaya belajar Bahasa Melayu pelajar bukan penutur natif Tingkatan Peralihan

Jadual 4 menunjukkan dapatan tentang gaya belajar Bahasa Melayu pelajar bukan penutur natif Tingkatan Peralihan.

Jadual 4

Dapatan kajian tentang gaya belajar Bahasa Melayu pelajar bukan penutur natif Tingkatan Peralihan.

Bil.	Item	Setuju (/)	Tidak setuju(/)
1	Saya suka dipuji ketika menjawab soalan Bahasa Melayu dengan tepat	73.3%	26.7%
2	Saya berasa gembira sekiranya saya diberikan ganjaran dalam pelaksanaan tugas Bahasa Melayu	37.5%	62.5%
3	Saya boleh belajar Bahasa Melayu dalam jangka masa yang agak lama tanpa rehat	33.3%	66.7%
4	Saya perlu merehatkan diri selama beberapa minit sebelum saya meneruskan pembelajaran Bahasa Melayu	53.3%	46.7%
5	Saya akan berusaha menyiapkan tugas yang diberikan oleh cikgu Bahasa Melayu	80.0%	20.0%
6	Saya kerap lupa untuk menyiapkan tugas Bahasa Melayu	40.0%	60.0%
7	Saya lebih suka membuat nota Bahasa Melayu sendiri	33.3%	66.7%
8	Saya lebih suka diberi arahan yang jelas dalam tugas Bahasa Melayu	46.7%	53.3%
9	Saya berminat untuk mengetahui perkara baru yang diajar oleh cikgu Bahasa Melayu	66.7%	33.3%
10	Saya tidak suka mengulangkaji Bahasa Melayu selepas waktu sekolah	42.9%	57.1%
11	Saya suka mengulangkaji fakta yang pernah dikemuka oleh guru Bahasa Melayu	50.0%	50.0%
	Saya hanya mengulangkaji topik yang		

	Disuruh oleh cikgu Bahasa Melayu	71.4%
28.6%		
12	Saya suka menghafal perkataan-perkataan Bahasa Melayu yang baru	57.1%
42.9%		
13	Saya suka membina ayat baru dan berkomunikasi dengan rakan sekelas	71.4%
28.6%		
14	Saya suka belajar Bahasa Melayu dalam susunan meja yang teratur	66.7%
33.3%		
15	Saya suka duduk di tepi tingkap rumah semasa mengulangkaji Bahasa Melayu	50.0%
50.0%		
16	Saya memberi tumpuan sepenuhnya dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam bilik yang sejuk	78.6%
21.4%		
17	Saya tidak belajar Bahasa Melayu dalam keadaan yang bising	43.8%
56.2%		
18	Saya suka belajar Bahasa Melayu dalam keadaaan yang terang	50.0%
50.0%		
19	Saya belajar perkataan baru dalam Bahasa Melayu dengan lebih baik melalui alat pendengaran	42.0%
58.0%		
20	Saya berasa pembelajaran Bahasa Melayu adalah berkesan melalui tontonan televisyen	36.4%
63.6%		
21	Saya berasa seronok belajar Bahasa Melayu semasa lawatan sambil belajar	54.5%
45.5%		
22	Saya berasa waktu belajar Bahasa Melayu yang berkesan adalah pada waktu awal pagi	80.0%
20.0%		
23	Saya suka memusingkan pen ketika belajar Bahasa Melayu	50.0%
50.0%		
24	Saya suka makan, minum dan mengunyah sesuatu ketika belajar Bahasa Melayu	45.5%
54.5%		
25	Saya suka belajar Bahasa Melayu secara bersendirian	75.0%
25.0%		
26	Saya boleh belajar Bahasa Melayu dengan seorang rakan	58.3%
41.7%		
27	Saya suka belajar Bahasa Melayu daripada orang yang lebih mahir	50.0%
50.0%		
28	Saya suka menyiapkan tugasan	

	Bahasa Melayu secara berpasangan	72.7%
29	27.3%	
	Saya suka menyiapkan tugasan Bahasa Melayu secara berkumpulan	80.0%
	20.0%	

Dalam kajian yang melibatkan pelajar Tingkatan 1, seramai 67 pelajar bersetuju untuk menjadi responden. Jadual 5 menunjukkan maklumat ringkas tentang latar belakang pelajar Tingkatan 1.

Jadual 5

Maklumat ringkas tentang latar belakang pelajar Tingkatan 1.

Bangsa	Jantina																								
	Umur		C		I		Ib		S		L		Sikh		B		K		F		L		P		13
			14																						
25	34	9			2		1		1		1		1		1		1		1	37	30			58	


Jumlah

67


Nota: C-Cina; I-India; Ib-Iban; S-Siam; L-Lundayeh; B-Bidayuh; K-Kadazan; L-Lelaki; P-Perempuan

Bagi pelajar Tingkatan 1, kebanyakan daripada mereka menetap di kawasan bandar (55 orang) dan tiada maklumat diberikan (12 orang). Selain itu, seramai 25 orang berasal daripada sekolah kebangsaan. Seramai 13 orang berasal daripada SJKC , 9 orang berasal daripada SJKT dan 20 orang pelajar tidak memberikan maklumat sekolah rendah.

Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah menunjukkan bahasa pertuturan pertama dan kedua pelajar Tingkatan 1 di rumah.



Rajah 1: Bahasa pertuturan pertama pelajar Tingkatan 1 di rumah



Rajah 2. Bahasa pertuturan kedua pelajar Tingkatan 1 di rumah

Gaya belajar Bahasa Melayu pelajar bukan penutur natif Tingkatan 1

Jadual 6 menunjukkan dapatan tentang gaya belajar Bahasa Melayu pelajar bukan penutur natif Tingkatan 1.

Jadual 6

Dapatan kajian tentang gaya belajar Bahasa Melayu pelajar bukan penutur natif Tingkatan 1.

Bil. setuju(/)	Item	Setuju (/)	Tidak
1	Saya suka dipuji ketika menjawab soalan Bahasa Melayu dengan tepat	80.6%	19.4%
2	Saya berasa gembira sekiranya saya diberikan ganjaran dalam pelaksanaan tugasan Bahasa Melayu	58.5%	41.5%
3	Saya boleh belajar Bahasa Melayu dalam jangka masa yang agak lama tanpa rehat	52.2%	47.8%
4	Saya perlu merehatkan diri selama beberapa minit sebelum saya meneruskan pembelajaran Bahasa Melayu	50.0%	50.0%
5	Saya akan berusaha menyiapkan tugas yang diberikan oleh cikgu Bahasa Melayu	86.6%	13.4%
6	Saya kerap lupa untuk menyiapkan tugas Bahasa Melayu	41.4%	58.6%
7	Saya lebih suka membuat nota Bahasa Melayu sendiri	55.9%	44.1%
8	Saya lebih suka diberi arahan yang jelas dalam tugas Bahasa Melayu	58.0%	42.0%
9	Saya berminat untuk mengetahui perkara baru yang diajar oleh cikgu Bahasa Melayu	83.6%	16.4%
10	Saya tidak suka mengulangkaji Bahasa Melayu selepas waktu sekolah	46.4%	53.6%
11	Saya suka mengulangkaji fakta yang pernah dikemuka oleh guru Bahasa Melayu	72.7%	27.3%
12	Saya hanya mengulangkaji topik yang disuruh oleh cikgu Bahasa Melayu	67.6%	32.4%
13	Saya suka menghafal perkataan-perkataan Bahasa Melayu yang baru	58.8%	41.2%
14	Saya suka membina ayat baru dan berkomunikasi dengan rakan sekelas	71.6%	28.4%
15	Saya suka belajar Bahasa Melayu dalam susunan meja yang teratur	84.0%	16.0%
16	Saya suka duduk di tepi tingkap rumah semasa mengulangkaji Bahasa Melayu	70.4%	29.6%
17	Saya memberi tumpuan sepenuhnya dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam bilik yang sejuk	70.4%	29.6%
18	Saya tidak belajar Bahasa Melayu dalam keadaan yang bising	74.0%	26.0%
19	Saya suka belajar Bahasa Melayu dalam keadaaan yang terang	72.3%	27.7%
20	Saya belajar perkataan baru dalam Bahasa Melayu dengan lebih baik melalui alat pendengaran	59.6%	40.4%
21	Saya berasa pembelajaran Bahasa Melayu adalah berkesan melalui tontonan televisyen	44.4%	55.6%
22	Saya berasa seronok belajar Bahasa		

	Melayu semasa lawatan sambil belajar	59.2%	40.8%
23	Saya berasa waktu belajar Bahasa Melayu yang berkesan adalah pada waktu awal pagi	59.6%	40.4%
24	Saya suka memusingkan pen ketika belajar Bahasa Melayu	70.8%	29.2%
25	Saya suka makan, mimum dan mengunyah sesuatu ketika belajar Bahasa Melayu	63.3%	36.7%
26	Saya suka belajar Bahasa Melayu secara bersendirian	58.0%	42.0%
27	Saya boleh belajar Bahasa Melayu dengan seorang rakan	50.9%	49.1%
28	Saya suka belajar Bahasa Melayu daripada orang yang lebih mahir	56.4%	43.6%
29	Saya suka menyiapkan tugas Bahasa Melayu secara berpasangan	75.9%	24.1%
30	Saya suka menyiapkan tugas Bahasa Melayu secara berkumpulan	69.6%	30.4%

Dalam kajian yang melibatkan pelajar Tingkatan 2, seramai 78 pelajar bersetuju untuk menjadi responden. Jadual 7 menunjukkan maklumat ringkas tentang latar belakang pelajar Tingkatan 2.

Jadual 7


Maklumat ringkas tentang latar belakang pelajar Tingkatan 2.

Bangsa	Jantina						Umur	
	C	I	Ib	K	L	P	13	14
15							78	
28	47	2	1		40	38	2	65
	11							
Jumlah								


Nota: C-Cina; I-India; Ib-Iban; K-Kadazan; L-Lelaki; P-Perempuan

Bagi pelajar Tingkatan 2, seramai 75 orang menetap di kawasan bandar dan 3 orang pelajar tidak memberikan maklumat. Kebanyakan pelajar Tingkatan 2 berasal dari SJKT, iaitu seramai 23 orang. Seramai 11 orang berasal dari SJKC, 16 orang daripada sekolah kebangsaan dan 28 orang tidak memberikan maklumat.

Rajah 3 dan Rajah 4 menunjukkan bahasa pertuturan pertama dan kedua pelajar Tingkatan 2 di rumah.



Rajah 3 Bahasa pertuturan pertama pelajar Tingkatan 2 di rumah.



Rajah 4 Bahasa pertuturan kedua pelajar Tingkatan 2 di rumah.

Gaya belajar Bahasa Melayu pelajar bukan penutur natif Tingkatan 2

Jadual 8 menunjukkan dapatan tentang gaya belajar Bahasa Melayu pelajar bukan penutur natif Tingkatan 2.

Jadual 8.

Dapatan kajian tentang gaya belajar Bahasa Melayu pelajar bukan penutur natif Tingkatan 2.

Bil. setuju(/)	Item	Setuju (/)	Tidak
1	Saya suka dipuji ketika menjawab soalan		

	Bahasa Melayu dengan tepat	73.1%	26.9%
2	Saya berasa gembira sekiranya saya diberikan ganjaran dalam pelaksanaan tugas Bahasa Melayu	61.3%	38.7%
3	Saya boleh belajar Bahasa Melayu dalam jangka masa yang agak lama tanpa rehat	40.8%	59.2%
4	Saya perlu merehatkan diri selama beberapa minit sebelum saya meneruskan pembelajaran Bahasa Melayu	64.0%	36.0%
5	Saya akan berusaha menyiapkan tugas yang diberikan oleh cikgu Bahasa Melayu	81.8%	18.2%
6	Saya kerap lupa untuk menyiapkan tugas Bahasa Melayu	39.0%	61.0%
7	Saya lebih suka membuat nota Bahasa Melayu sendiri	64.5%	35.5%
8	Saya lebih suka diberi arahan yang jelas dalam tugas Bahasa Melayu	72.4%	27.6%
9	Saya berminat untuk mengetahui perkara baru yang diajar oleh cikgu Bahasa Melayu	80.8%	19.2%
10	Saya tidak suka mengulangkaji Bahasa Melayu selepas waktu sekolah	40.3%	59.7%
11	Saya suka mengulangkaji fakta yang pernah dikemuka oleh guru Bahasa Melayu	68.8%	31.2%
12	Saya hanya mengulangkaji topik yang disuruh oleh cikgu Bahasa Melayu	70.3%	29.7%
13	Saya suka menghafal perkataan-perkataan Bahasa Melayu yang baru	51.9%	48.1%
14	Saya suka membina ayat baru dan berkomunikasi dengan rakan sekelas	62.5%	37.5%
15	Saya suka belajar Bahasa Melayu dalam susunan meja yang teratur	89.1%	10.9%
16	Saya suka duduk di tepi tingkap rumah semasa mengulangkaji Bahasa Melayu	59.6%	40.4%
17	Saya memberi tumpuan sepenuhnya dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam bilik yang sejuk	79.7%	20.3%
18	Saya tidak belajar Bahasa Melayu dalam keadaan yang bising	77.4%	22.6%
19	Saya suka belajar Bahasa Melayu dalam keadaaan yang terang	58.5%	41.5%
20	Saya belajar perkataan baru dalam Bahasa Melayu dengan lebih baik melalui alat pendengaran	34.0%	66.0%
21	Saya berasa pembelajaran Bahasa Melayu adalah berkesan melalui tontonan televisyen	35.0%	65.0%
22	Saya berasa seronok belajar Bahasa Melayu semasa lawatan sambil belajar	69.1%	30.9%
23	Saya berasa waktu belajar Bahasa Melayu yang berkesan adalah pada waktu awal pagi	62.7%	37.3%
24	Saya suka memusingkan pen ketika belajar Bahasa Melayu	69.8%	30.2%
25	Saya suka makan, mimum dan		

	mengunyah sesuatu ketika belajar Bahasa Melayu	45.9%	54.1%
26	Saya suka belajar Bahasa Melayu secara bersendirian	64.5%	35.5%
27	Saya boleh belajar Bahasa Melayu dengan seorang rakan	49.2%	50.8%
28	Saya suka belajar Bahasa Melayu daripada orang yang lebih mahir	49.2%	50.8%
29	Saya suka menyiapkan tugas Bahasa Melayu secara berpasangan	68.9%	31.1%
30	Saya suka menyiapkan tugas Bahasa Melayu secara berkumpulan	67.9%	32.1%

PERBINCANGAN

Bahasa pertuturan di rumah merupakan faktor utama yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu di sekolah. Walau bagaimanapun, faktor-faktor lain seperti kualiti guru dan gaya belajar turut memberi kesan kepada penguasaan Bahasa Melayu di tahap menengah rendah. Dapatan analisis menunjukkan pelajar dipengaruhi oleh motivasi ekstrinsik seperti pujian oleh guru, bantuan rakan sebaya, aktiviti berkumpulan dan pemberian ganjaran dimana 70-80% pelajar menyatakan mereka suka dipuji ketika menjawab soalan Bahasa Melayu. Pelajar berasa gembira sekiranya diberikan ganjaran dalam pelaksanaan tugas Bahasa Melayu. Dapatan ini disokong dengan kenyataan bahawa elemen motivasi memberi sumbangan yang besar kepada pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua (Lightbown & Spada, 1999). Dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu, Misnan Jemali (1999) mendapati wujudnya hubungan yang signifikan di antara motivasi dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu. Tahap hubungan motivasi ekstrinsik tinggi mempengaruhi responden terhadap aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu berbanding dengan motivasi intrinsik. Hal ini kerana menjadikannya sebagai pegangan dalam sanubari setiap individu. Selain itu, motivasi ekstrinsik boleh mempengaruhi motivasi intrinsik. Namun, ganjaran-ganjaran yang diperolehi oleh seseorang individu tidak boleh dijadikan sebagai perkara pokok di dalam penyertaan aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu. Setiap ganjaran mahupun faktor luaran lain yang diperoleh hendaklah dianggap sebagai pemangkin yang mempercepatkan lagi peningkatan kemahiran atau prestasi.

Nik Mohd Rahimi, Nurulasyikin, Zamri & Kamarul (2009) mengakui bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi dengan pencapaian dan tahap penguasaan pelajar dalam pembelajaran lisan bahasa Melayu, di mana semakin baik motivasi pelajar maka semakin majulah pencapaian mereka dalam pembelajaran lisan bahasa Melayu.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kurang daripada 50% pelajar boleh belajar Bahasa Melayu dalam jangka masa yang agak lama tanpa rehat. Ini membuktikan pelajar-pelajar di SMK A kurang mempunyai keazaman yang tinggi dalam belajar Bahasa Melayu. Kajian Siti Sukainah dan Melor (2014) merumuskan bahawa sikap yang positif dan usaha menguasai bahasa sasaran merupakan elemen-elemen penting yang menentukan kejayaan pembelajaran bahasa tersebut.

Dari segi tanggungjawab positif pula, lebih 80% pelajar berusaha menyiapkan tugas BM yang diberikan oleh cikgu. Dapatan ini sesuai dengan Teori Motivasi McClelland (1985) yang menunjukkan bahawa seseorang akan bekerja keras untuk kejayaan peribadi seperti orang yang mencapai penyempurnaan kendiri agar memperoleh kejayaan yang cemerlang. Selain itu,

pelajar-pelajar lebih suka diberi arahan yang jelas dalam tugasan BM. Ini menunjukkan mereka bersifat struktur terikat, iaitu membuat tugasannya terdapat arahan guru.

Dari aspek psikologi pula, lebih daripada 66.7% pelajar Tingkatan Peralihan berminat untuk mengetahui perkara baharu yang diajar oleh guru BM. Pelajar-pelajar ini bersifat reflektif. Pelajar bersifat reflektif juga lebih suka berfikir untuk memahami sesuatu konsep. Mereka yang bersifat sedemikian kebiasaannya akan duduk di hadapan kelas dan sentiasa berinteraksi dengan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Di samping itu, 72.7% pelajar suka mengulangkaji fakta yang diajar oleh guru. Ini menunjukkan bahawa mereka bersifat analitikal. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Qasem (1992) yang menjalankan kajian terhadap pelajar dalam kelas tradisional menyatakan bahawa apabila pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran, pelajar akan lebih banyak belajar jika dibandingkan dengan keadaan apabila pelajar semata-mata menerima arahan dan maklumat daripada guru secara pasif. Selain daripada itu, pelajar didapati lebih banyak belajar perkara-perkara yang dilakukan oleh mereka. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa lebih 70.0% mempunyai pemikiran hemisfer kanan. Dimensi otak kanan adalah bersifat kreatif, iaitu berfungsi seperti mengenal wajah, corak, kreativiti, sintesis dan suka berimajinasi.

Bagi faktor persekitaran pula, dapatan menunjukkan bahawa pelajar lebih suka belajar BM dalam susunan meja yang teratur, bilik yang terang dan tidak bising. Lebih 75% pelajar suka belajar di dalam bilik yang sejuk. Dalam penyelesaian sesuatu masalah juga, pelajar yang bersifat tersusun ini juga didapati mengaitkan permasalahan utama dengan kenyataan-kenyataan yang berkaitan dan cuba untuk menyelesaikan secara bersama-sama. Mereka juga lebih suka menumpukan perhatian terhadap sesuatu mata pelajaran tanpa mengaitkan dengan subjek-subjek lain.

Dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar di SMKA suka belajar dengan cara kinestetik tekstil dimana mereka lebih suka aktiviti *hands-on*. Lebih daripada 66.0% pelajar menyatakan mereka suka belajar perkataan baharu dalam BM dengan alat pendengaran dan tontonan televisyen. Pada pandangan pelajar, waktu yang paling berkesan untuk belajar ialah waktu awal pagi. Di samping itu, sebahagian daripada pelajar suka memusingkan pen dan makan minum semasa belajar Bahasa Melayu dalam rumah. Dapatan kajian ini bertetapan dengan kajian bertajuk “Mengadaptasikan Gaya Pembelajaran Pelajar ESL: Satu Kajian Kes Pelajar Tahun Satu di Universiti Kebangsaan Malaysia” oleh Rosniah (2007) pelajar Program Sarjana Muda Sastera Pengajian Bahasa Inggeris di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) boleh mengadaptasi gaya pembelajaran mereka di luar mod keutamaan mereka dengan membuat latihan. Latihan yang diberikan adalah dalam bentuk mod visual dan auditori serta cara bekerja secara individu. Kebanyakan pelajar terlibat mempunyai sekurang-kurangnya gaya kinestetik sebagai gaya pembelajaran utama mereka. Mereka yang memilih bekerja secara berkumpulan merupakan gaya pembelajaran sosiologi utama.

Selain itu, lebih daripada 60% pelajar suka belajar secara bersendirian dan selebihnya suka belajar bersama rakan sebaya. Menurut Muhammad Rafee (1990), faktor luaran seperti rakan sebaya, aktiviti yang diadakan mempengaruhi penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran bahasa Melayu. Rosniah (2007) turut membuat kesimpulan bahawa kebanyakan pelajar terlibat memilih bekerja secara berkumpulan sebagai gaya pembelajaran sosiologi utama. Keadaan ini membantu proses pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kerana pelajar ini mendapat sokongan daripada rakan-rakan yang menguasai bahasa tersebut.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi entrinsik seperti bantuan rakan sebaya, ganjaran dan pujian daripada guru dan rakan sebaya dapat meransang motivasi intrinsik pelajar dalam terus belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Di samping itu, faktor prsekitaran yang tersusun dan mesra turut mendorong pelajar mempelajari Bahasa Melayu dengan penuh tumpuan. Pengajaran-pembelajaran bahasa kedua melibatkan peranan dua pihak iaitu, guru sebagai penyampai maklumat dan pelajar sebagai penerima maklumat. Kedua-dua pihak ini perlu bekerjasama dalam memupuk motivasi yang tinggi supaya aktiviti pengajaran-pembelajaran dapat dijayakan dengan sebaiknya. Guru dan pelajar harus saling bantu-membantu serta berusaha secara kolektif bagi mengekalkan tahap motivasi masing-masing. Pengekalan tahap motivasi yang baik juga merupakan satu langkah yang penting memandangkan tahap motivasi boleh berubah-ubah bergantung kepada pelbagai faktor dalaman dan luaran. Penyuburan motivasi ini akan menjamin tindakan yang aktif dalam mencapai matlamat yang telah disasarkan.

Rujukan

- Abbas, P. G., Lai, M.L., & Narjes B. S. (2012). A Study on the Role of Motivation in Foreign Language Learning and Teaching. *International Journal of Modern Education and Computer Science* 7: 9-16.
- Enrolmen Pelajar. (2018). [Data file]. Retrieved from smktamanjsamedua.blogspot.com/p/enrolmen.html?m=1
- Jeyagobi Dhamodarem. (2011). *Gaya pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar India* (Unpublished doctoral thesis). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Lightbown, P.M., & Spada, N. (1999). *How Languages are Learned*. Oxford: Oxford University Press.
- Lepper, M. R. (1983). Social control processes and the internalization of social values: An attributional perspective. In E. T. Higgins, D. N. Ruble, & W. W. Hartup (Eds.), *Social cognition and social development* (pp. 294-330). New York: Cambridge University Press.
- Misnan Jemali. (1999). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah Rendah di Negeri Perak* (Unpublished Master thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- McClelland, D.C. (1985). *Human Motivation*. Glenview, Illinois: Scott Foresmen and Company.
- Mohd Uzir Zubir, Rohaidah Kamaruddin, & Sharil Nizam Sha'ri. (2018). Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu murid Tingkatan Satu (Junior One Loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hwa. *Jurnal Kesidang* 3: 82-91.
- Muhammad Rafiee. (1990). *Mengkaji Faktor-faktor Mahasiswa dan Mahasiswi Program Sarjana Muda Sains Dengan Pendidikan Dalam Kegiatan Luar Bilik Kuliah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi, Nurulasyikin Muda, Zamri Mahamod, & Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). Relationship Between Arabic Listening Skills and Motivation. *International Journal of Learning* 16 (5): 139-150.
- Noor Habsah Ali, & Yahya Othman. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 8(1): 33-41.
- Nora' Azian Nahar, & Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur naratif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 8(1): 74-83.
- Noraini Kaprawi. (2013). Kajian tinjauan. In Noraini Idris (Ed.), *Penyelidikan dalam pendidikan* (pp. 201-221). Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Qasem, J. R. (1992). Nutrient accumulation by weeds and their associated vegetable crops. *Journal of Horticultural Science* 67(2): 189-195

- Rosniah Mustaffa (2007). *Kajian Mengadaptasikan Gaya Pembelajaran Pelajar ESL: Satu Kajian Kes Pelajar Tahun Satu di UKM*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Sukainah Che Mat, & Melor Md. Yunus. (2014). Attitudes and Motivation Towards Learning English Among FELDA School Students. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 8(5). 1-8.
- Zaliza Mohamad Nasir, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 134: 408-415.